

Aplikasi Konsep *Ta'awun* Dalam Praktis Kerja Sosial di Malaysia

(Application On Ta'awun Concept In Social Work Practice In Malaysia)

NUR SAADAH MOHAMAD AUN, NOREMY MD AKHIR & NOR AIN SUHAIDA NOFIAH

ABSTRAK

Artikel ini adalah mengenai kajian yang telah dijalankan kepada pekerja sosial di Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Kajian tersebut bertujuan untuk meneroka pengetahuan pekerja sosial mengenai konsep ta'awun dalam praktis kerja sosial dan sejauh mana ia diaplikasi di Malaysia. Seramai lapan orang pekerja sosial telah ditemu bual secara mendalam dengan menggunakan teknik temu bual separa struktur. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden tidak mempunyai pengetahuan dalam konsep ta'awun. Mereka juga tidak didedahkan dengan perkaitan antara konsep ta'awun dengan profesion kerja sosial. Bagi pekerja sosial yang mempunyai latar belakang dari sekolah agama, konsep ta'awun sememangnya telah mereka fahami kerana mereka telah diterapkan dengan konsep tersebut dari zaman persekolahan. Manakala bagi pekerja sosial yang tidak mempunyai latar belakang sekolah agama, mereka kurang memahami konsep ta'awun. Namun demikian, dapatan kajian menunjukkan semua responden sememangnya mengaplikasi konsep ta'awun dalam profesion mereka. Malahan, kod etika kerja sosial oleh National Association of Social Workers sangat berkait rapat dengan konsep ta'awun apabila menggalakkan masyarakat untuk memberi khidmat bantuan melebihi keperluan sendiri dan menjaga hubungan sesama manusia dengan tidak menindas. Ringkasnya, praktis kerja sosial yang diamalkan di Malaysia adalah seiring dengan kehendak konsep ta'awun yang disarankan dalam ajaran agama Islam.

Kata kunci: Pengetahuan; praktis; konsep ta'awun; pekerja sosial; Malaysia

ABSTRACT

This article is about a study conducted amongst social workers at the Department of Social Welfare Malaysia. This study aimed to explore the knowledge of social workers on the concept of ta'awun in the practice of social work and how this have been applied in Malaysia. A total of eight social workers were interviewed in depth using a semi-structured interview technique. The results showed that the majority of respondents had no knowledge in ta'awun concept. They were also not exposed to general knowledge of the relationship between the profession of social work with Islam. For those who came from religious school backgrounds, the concept of ta'awun has been understood by them because they have been applied with that concept from school age. While for those who did not have religious school backgrounds, they were lack understanding about the concept of ta'awun. However, findings also found out that all respondents were already applied the concept of ta'awun in their practice. Hence, the code of ethics of social work by the National Association of Social Workers was closely associated with the concept ta'awun when encouraging people to give service exceed the needs of its own and the importance of human relationship with no oppressive. In summary, social work practice applied in Malaysia was in line with the need of concept of ta'awun which has been imposed in Islamic teaching.

Keywords: Knowledge; practice; concept of ta'awun; social worker; Malaysia

PENDAHULUAN

Selepas profesion kerja sosial mengalami proses sekularisasi pada pertengahan abad ke-20, perubahan telah berlaku apabila kerja sosial tidak

lagi memberi penekanan terhadap agama sekali gus penekanan agama dikatakan sebagai tidak relevan (Hook, Hugen & Aguilar 2001). Profesion kerja sosial hanya menjadikan teori-teori barat sebagai

panduan dalam menjalankan praktis. Dengan menggunakan teori tersebut, pekerja sosial dapat memahami sesebuah kes dengan lebih spesifik dan mendalam (Hare 2014). Walhal, elemen keagamaan mempunyai perkaitan rapat dengan kerja sosial seperti yang disebut dalam Al Quran. Ini menunjukkan bahawa bidang praktis kerja sosial adalah satu kewajipan yang dituntut oleh semua agama bagi membantu sesama manusia masyarakat dalam meningkatkan kualiti hidup (Mohd Azmir, Mohammad Aizzuddin & Mashitah 2009).

Asas teori kerja sosial dan praktis juga mempunyai pengaruh dalam aspek agama dan kerohanian (Day 2009). Miley, O'Melia dan DuBois (2016) menyatakan bahawa pekerja sosial bekerja dengan individu yang meliputi aspek mental, emosi, rohani, dan sistem yang memberi kesan kepada kehidupan individu tersebut. Sebagai satu profesion, kerja sosial juga mempunyai fungsi menyelesaikan masalah sosial dan kemanusiaan berlandaskan kepada nilai dan prinsip etika dengan memenuhi kehendak serta aspirasi manusia. *National Association of Social Workers* (NASW) mengkategorikan nilai dan prinsip etika kerja sosial ini kepada enam iaitu; a) khidmat, (b) keadilan sosial, (c) menjaga maruah klien, (d) pentingnya hubungan sesama manusia, (e) integriti, dan (f) kompetensi (NASW 2016).

Jika dilihat dari kategori-kategori tersebut, tidak dapat dinafikan bahawa kerja sosial berkait rapat dengan agama apabila semua agama dituntut untuk berbuat kebaikan dan saling membantu (Sheridan 2016). Saling membantu dalam hal ini boleh diertikan sebagai memperkasakan individu, keluarga, kumpulan dan komuniti yang menjadi asas kepada perkhidmatan dalam profesion kerja sosial. Pemerkasaaan kepada individu, keluarga, kumpulan dan masyarakat ini meliputi aspek membantu dari segi sokongan sosial dengan mengembalikan kefungsi sosial klien termasuk melibatkan intervensi spiritual. Tambah Hare (2014), nilai agama amat berkait rapat dengan nilai dalam kerja sosial apabila sering dihubungkan dengan intervensi spiritual terhadap klien seperti beriman kepada Tuhan.

KONSEP TA'AWUN DALAM ISLAM

Dalam Islam, konsep *ta'awun* dikenali sebagai tolong-menolong dalam menjalani kehidupan bermasyarakat (Siti Norlina et. al 2005). Mereka

yang kuat perlu membantu mereka yang lemah dan yang kaya pula menampung yang miskin. Itulah yang mendorong mereka kepada saling bersimpati dan tolong-menolong serta mengukuhkan lagi ikatan sesama mereka (El Fadl 2015; Ismail 1988). Kaedah ini jelas tergambar dalam peraturan-peraturan seperti pungutan zakat terhadap golongan yang berkemampuan untuk diberi kepada golongan miskin, konsep berdakwah dan sebagainya.

Hal ini sekali gus membuktikan bahawa agama Islam sangat prihatin dengan masalah sosial yang dialami oleh manusia (Syamsuddin & Azlinda 2002). Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi (1991) di dalam tafsirnya juga menjelaskan bahawa agama Islam telah menggalakkan umatnya untuk tolong-menolong dalam melakukan kerja-kerja kebaikan. Allah s.w.t. memerintahkan setiap manusia untuk saling tolong-menolong di dalam kebajikan dan ketakwaan, dan melarang dari saling mengamalkan konsep *ta'awun* di dalam perbuatan dosa dan permusuhan.

Firman Allah s.w.t.:

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.”

(Al-Ma'idah 5 : 2)

Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi (1991) di dalam tafsirnya juga menjelaskan bahawa agama Islam telah menggalakkan umatnya untuk tolong-menolong dalam melakukan kerja-kerja kebaikan. Allah s.w.t. memerintahkan setiap manusia untuk saling tolong-menolong di dalam kebajikan dan ketakwaan, dan melarang dari saling mengamalkan konsep *ta'awun* di dalam perbuatan dosa dan permusuhan.

Firman Allah s.w.t.:

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.”

(Al-Ma'idah 5 : 2)

Menurut kajian Ismail (1988), Islam menjadikan orang yang ada hubungan persaudaraan dan pertalian kaum kerabat sebagai golongan yang bersatu padu dan saling memikul tanggungjawab bersama. Allah s.w.t. berfirman dengan maksudnya:

Dan manusia itu dijadikan bersifat lemah

(An-Nisa 4:28)

Ayat ini membuktikan bahawa manusia diciptakan dengan sifat lemah oleh Allah s.w.t. Menurut kajian Siti Norlina et al. (2005), kelemahan manusia adalah suatu realiti yang tidak dapat dinafikan. Walaupun seorang individu itu mempunyai banyak kelebihan tetapi sudah pasti tersembunyi juga kelemahan pada dirinya. Apabila manusia menyedari hakikat kelemahan dan kekurangan ini, mereka hendaklah berusaha mengatasinya. Golongan lemah memerlukan pertolongan daripada yang kuat dan golongan yang kuat mestilah sentiasa bersedia menghulurkan bantuan. Inilah antara matlamat Islam dalam membentuk masyarakat yang ideal.

Walaupun terdapat perbezaan agama, kepercayaan, budaya, warna kulit dan bahasa yang digunakan namun tidak menghalang seorang Muslim untuk menunaikan kewajibannya terhadap jiran yang bukan seagama (Mashitah, Mohd Azmir & Mohammad Aizuddin 2009). Ini boleh dilakukan dengan menghulurkan pertolongan dan saling bantu membantu antara satu sama lain, tidak menyakiti, menziarah apabila sakit dan sebagainya. Hak dan tanggungjawab terhadap jiran bukan seagama perlu dilaksanakan selagi tidak bercanggah dengan akidah, syariah dan akhlak Islam.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah kajian kes untuk mengkaji dengan lebih mendalam mengenai pengetahuan serta kesan konsep *ta'awun* dalam diri pekerja sosial. Tambahan lagi, proses kajian kes ini mencakupi aspek pengamatan, langkah atau perancangan yang ingin diambil, melakukan pelaksanaan, mengumpulkan data dalam bentuk pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen, seterusnya membuat menilai pelaksanaan (Kamarul 2012).

Pemilihan responden dibuat secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan menggunakan teknik pensampelan

berkriteria (*criterion sampling*). Individu yang dipilih sebagai sampel mempunyai ciri-ciri tertentu bagi memberikan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini (Rozmi 2012).

Dalam kajian ini, pengkaji tidak menghadkan umur atau jantina responden kajian. Kriteria kemasukan menjadi responden kajian ini ialah individu itu merupakan pekerja sosial yang beragama Islam dan berpengalaman sekurang-kurangnya dua tahun dalam bidang kerja sosial dan terlatih. Kriteria ini penting dalam pemilihan responden kerana dapat menggambarkan bagaimana pengetahuan pekerja sosial terhadap konsep *ta'awun* dalam amalan praktis kerja sosial sekali gus mencungkil kesan konsep tersebut dalam diri pekerja sosial setelah berkhidmat selama sekurang-kurangnya dua tahun dalam praktis. Seramai lapan orang pekerja sosial telah ditemu bual secara mendalam bagi menjawab persoalan. Bilangan lapan orang responden ini ditentukan berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu: beragama Islam dan berpengalaman bekerja sekurang-kurangnya dua tahun dalam praktis kerja sosial. Tempoh bekerja minimum dua tahun diambil kerana dilihat boleh menjadi penanda aras bagi mengukur pengalaman praktis pekerja sosial seperti dalam kajian oleh Mohd Iqbal Hakim, Nur Saadah dan Aizan Sofia (2017). Bilangan ini juga adalah yang telah dipersetujui oleh agensi tempat data dikumpul iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Putrajaya. Kebenaran agensi untuk kajian ini dijalankan telah diperolehi terlebih dahulu sebelum pengkaji memulakan pengumpulan data. Persetujuan termaklum dari setiap responden juga turut diperolehi. Setiap sesi temu bual berlangsung dalam tempoh 45 hingga 60 minit. Transkripsi verbatim dilakukan dalam tempoh 24 jam selepas sesi temu bual dijalankan. Ini bagi mengelak berlakunya sebarang pernyataan atau pemerhatian yang tertinggal sepanjang sesi temu bual dijalankan. Sesi temu bual dengan responden berlangsung sehingga data mencapai tahap tepu. Analisis secara manual digunakan dalam kajian ini kerana pengkaji mahu memahami secara mendalam dan menghadami kajian kes yang dilakukan (Nur Saadah & Rusyda Helma 2016). Analisis dibuat secara analisis kandungan (*content analysis*) dengan menjadikan perkataan dan frasa (*words and phrases*) sebagai analisis unit. Dalam kajian ini, perkataan dan/atau frasa yang digunakan adalah dikenal pasti berdasarkan Kod Etika oleh NASW dan prinsip Islam yang telah dikaji oleh El Fadl (2015) dan Lammens (2013).

JADUAL 1. Profil Responden

Responden	Jantina	Umur (tahun)	Status Perkahwinan	Tahap Pendidikan	Pengalaman sebagai pekerja sosial
1	Lelaki	46	Berkahwin	STPM	24 tahun
2	Lelaki	50	Berkahwin	Diploma	24 tahun
3	Lelaki	46	Berkahwin	Sarjana	24 tahun
4	Lelaki	49	Berkahwin	Ijazah Sarjana Muda	6 tahun
5	Lelaki	33	Belum berkahwin	Ijazah Sarjana Muda	10 tahun
6	Perempuan	33	Berkahwin	Ijazah Sarjana Muda	5 tahun
7	Lelaki	33	Berkahwin	Ijazah Sarjana Muda	8 tahun
8	Lelaki	48	Berkahwin	Ijazah Sarjana Muda	5 tahun

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Data profil responden ini diperoleh berdasarkan temu bual yang telah dijalankan. Bagi menghormati dan menjaga maklumat yang diperoleh dari responden, nama sebenar tidak digunakan (Jadual 1.1).

PENGETAHUAN PEKERJA SOSIAL MENGENAI KONSEP TA'AWUN

Melalui temu bual yang telah dilakukan terhadap lapan responden, pengkaji mendapati kesemua responden mempunyai pengetahuan dalam konsep *ta'awun*. Walau bagaimanapun, rata-rata mereka mengenali konsep *ta'awun* sebagai tolong-menolong yang telah diperingatkan oleh Allah dalam Al-Quran.

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.”

(Al-Ma'idah 5 : 2)

Responden 3 menyatakan bahawa tolong-menolong merupakan suatu bentuk kewajipan dan tanggungjawab bagi seorang Muslim. Beliau juga menambah bahawa sifat-tolong menolong ini sememangnya sudah wujud secara fitrahnya dalam diri setiap manusia baik yang beragama Islam atau bukan Islam. Data ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Mashitah, Mohd Azmir dan Mohammad Aizuddin (2009), kerja sosial bukanlah profesion semata-mata, tetapi merupakan

tanggungjawab yang diamanahkan kepada manusia terutamanya kaum Muslim. Menurut kajiannya lagi, semua agama menggalakkan penganutnya untuk berbakti dan membuat kebajikan untuk kemaslahatan semua. Chaney dan Church (2017) dan El Fadl (2015) menambah bahawa Islam menggalakkan masyarakat untuk membantu orang lain lebih daripada keperluan diri sendiri. Ini sejajar dengan Kod Etika dalam NASW iaitu memberi khidmat kepada mereka yang memerlukan dan yang mempunyai masalah. Responden 3 turut menyatakan konsep tolong menolong ini meliputi golongan kuat membantu golongan lemah, golongan kaya membantu golongan miskin. Selari dengan kajian Ismail (1988) yang menyatakan apabila golongan yang kuat membantu yang lemah dan yang kaya pula menampung yang miskin. Itulah yang mendorong mereka kepada saling bersimpati dan tolong-menolong serta mengukuhkan ikatan antara mereka. Kaedah ini jelas tergambar dalam peraturan-peraturan seperti pungutan zakat terhadap golongan yang berkemampuan untuk diberi kepada golongan miskin, konsep berdakwah dan sebagainya.

“..konsep ta'awun ni konsep tolong-menolong la. Kalau dalam Islam pun kita diminta untuk membantu. Yang kuat akan membantu golongan yang lemah.. golongan kaya akan bantu golongan miskin, maksud dia, tolong menolong tu dia menjadi satu kewajipan pada kita la.. dia menjadi satu keperluan. Kalau dalam keadaan yang orang kata apa.. yang neutral sekali pun.. tidak ada orang yang tak tolong orang. Kecuali hati dia dah mati la. Tapi dalam keadaan fitrah tu konsep tolong menolong tu ada bagi semua agama la.. ha, bukan dalam Islam je. Kalau dalam bukan Islam pun, konsep tolong menolong ta'awun ni memang diamalkan, Cumanya dari segi

perlaksanaan itu.. Kalau Islam dia ada kewajipan sebagai.. apa nama kepada saudara seagama.. itu adalah kewajipan bagi dia kalau membantu seseorang. Tapi kalau dalam agama lain, tolong menolong dalam.. dalam kepercayaan agama dia la..”

(Responden 3)

Manakala Responden 4 menyatakan bahawa konsep tolong menolong yang disebut sebagai *ta'awun* ini merupakan tanggungjawab beliau sebagai seorang muslim dengan muslim lain. Beliau turut menekankan bahawa konsep *ta'awun* mempunyai persamaan dengan konsep kejiwaan di mana setiap 40 buah rumah yang ada di setiap sisi rumah seorang muslim itu adalah wajib baginya untuk menghulurkan bantuan yang diperlukan. Perkara ini seiring dengan Teori Ekologi oleh Bronfenbrenner pada tahun 1979. Beliau menjelaskan bahawa struktur mikrosistem yang meliputi hubungan di antara individu dengan keluarga, jiran dan rakan-rakan sangat memberi pengaruh yang besar kepada seseorang individu kerana melibatkan tingkah laku individu tersebut dan persekitaran terdekat. Manakala Responden 6 pula menyatakan bahawa konsep *ta'awun* sememangnya telah wujud sejak dahulu lagi. Beliau turut menyatakan bahawa konsep ini sememangnya wujud di semua tempat dalam membantu meringankan beban individu yang memerlukan.

“..kalau dari segi konsep ta'awun itu maksud dia tolong menolongkan.. biasanya kalau orang kampung.. saya pun asalnya orang kampung. Orang kata konsep tolong menolong tu macam konsep jiran tu.. memang dah jadi kewajipan kita kalau konsep jiran tu.. 40 jiran.. 40 kiri, 40 kanan, 40 depan.. atas.. kalau ada bawah, bawah la kan.. Haa, jadi kewajipan itu la dari segi tolong menolong tu kan. Tetapi yang tu tolong menolong dari segi jiran.. Tapi kewajipan kita sebagai apa.. orang kata tolong menolong sesama Islam, sesama apa.. sesama manusia ni.. ada jugak la kewajipan kita..”

(Responden 4)

“..Em.. ta'awun ini yang dimaklumkan adalah konsep tolong-menolong jadi pada saya tolong menolong ni memang kat mana-mana pun ada.. kita kat tempat kerja ke.. di rumah ke di sekolah ke.. di mana-mana saja la konsep ni memang kena ada..”

(Responden 6)

Responden 2 dan Responden 5 pula menyatakan bahawa konsep *ta'awun* mempunyai maksud yang hampir sama dengan kerja sosial. Menurut NASW (2016), pekerja sosial harus membantu mereka yang memerlukan dengan berpandukan nilai, pengetahuan serta kemahiran yang ada. Responden 2 turut menambah di mana konsep *ta'awun* mempunyai nilai, etika, penerimaan, menjaga rahsia dan tidak menghukum seperti apa yang dianjurkan oleh agama Islam. Islam sangat menekankan agar penganutnya menjaga rahsia dan tidak membuka aib mana-mana individu kerana ia mampu menjatuhkan maruah sekali gus memburukkan imej seseorang.

“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani.”

(Al Hujarat 49; 12)

“..Er, ikhlas saya cakap.. ni mungkin ta'awun ni dalam bahasa Arab la kan? Mungkin salah satu yang hampir sama atau sama dengan prinsip kerja sosial tetapi mungkin dari segi ta'awun ni dari segi perkataan atau konsep atau pandangan..”

(Responden 5)

“..Tolong menolong dalam Islam...macam mana nak jawab eh.. hahaha..susah nak jawab.. Okay.. praktis kerja sosial kita ada etika kerja sosial contoh dia penerimaan, kerahsiaan, empat, tidak menghukum.. jadi semua tu sama je la dengan ta'awun ni.

(Responden 2)

Selanjutnya, Responden 8 pula mengatakan bahawa konsep kerja sosial atau kerja-kerja kebajikan ini sememangnya telah wujud pada zaman Nabi Muhammad. Hal ini terbukti dengan kajian yang dilakukan oleh Mashitah, Mohd

Azmir dan Mohammad Aizuddin (2009) mengenai perbandingan antara empat asas kerja sosial yang berpaksikan nilai-nilai Islam iaitu matlamat, fokus, skop dan kekangan mendapati bahawa asas kerja sosial tersebut sebenarnya telah terkandung di dalam Islam semenjak 1400 dahulu sebelum kedatangan ilmu praktis kerja sosial yang diperkenalkan oleh Barat. Responden 8 turut menambah, dalam agama Islam terdapat sempadan yang perlu dipatuhi bagi setiap perbuatan yang dilakukan sebagai seorang Muslim.

“.. ta’awun tu zaman nabi pun dah ada dah, dah berlaku dah,, kita tengok sejarah-sejarah nabi.. kerja-kerja kebajikan ni dah wujud cuma mungkin peredaran masa peredaran zaman tu dah lain. Kalau kita tengok orang Yahudi, dia pun memang ada juga.. nila-nilai dia ada. Kita ada batas-batas kita, kesempadanan kita tu ada. Mereka tak ada.. Mereka semua boleh buat, Sama la. Cuma kesempadanan dia dari segi etika dia.. itu sahaja yang membataskan kita. Tapi rasanya bukan la menjadi salah satu penyebab kita tak membantu orang. Sebab kita punya agama Islam dah ditetapkan macam tu.. kita kena ikut..”

(Responden 8)

Bagi responden 1 dan 7, konsep *ta’awun* ini sendiri sememangnya sudah lama diterapkan dalam hati dan jiwa mereka. Responden 1 mengatakan bahawa konsep *ta’awun* ini merupakan konsep tolong-menolong antara sesama manusia sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Norlina dan rakan-rakan (2005) yang mana mengatakan konsep *ta’awun* membawa maksud sebagai satu konsep tolong-menolong dalam menjalani kehidupan bermasyarakat. Chaney dan Church (2017) menambah bahawa Islam melarang umatnya menindas satu sama lain. Ini selari dengan Kod Etika NASW yang menekankan betapa pentingnya hubungan sesama manusia. Manakala Responden 7 pula mengatakan bahawa konsep *ta’awun* ini terletak pada tangan semua pihak terutama pada komuniti setempat. Mengikut Model Ekologi yang di asaskan oleh Bronfenbrenner (1981), komuniti merupakan lapisan ke empat dalam Teori Ekologi yakni makrosistem. Makrosistem merujuk kepada sesebuah komuniti yang sangat mempengaruhi individu dalam melakukan perubahan hidup. Menurut Santrock (2008), makrosistem berkait rapat dengan perkembangan individu yang dipengaruhi oleh norma-norma, nilai dan amalan masyarakat. Sekiranya komuniti tidak

mengambil berat terhadap apa yang berlaku pada ahli dalam komuniti, bantuan yang ingin atau perlu disalurkan tidak akan terjadi. Ini menunjukkan bahawa komuniti dan individu berkait rapat dalam mewujudkan kesejahteraan hidup. Selanjutnya, melalui data profil responden yang telah dikutip, pengkaji mendapati Responden 1 mempunyai latar belakang pendidikan agama. Jadi, tidak hairanlah sekiranya Responden 1 mengatakan bahawa beliau mampu memahami sekali gus memupuk konsep *ta’awun* dalam diri beliau.

“..konsep ta’awun memang saya tahu iaitu konsep tolong menolong haa.. antara satu sama lain. Jadi kebetulan benda ni dah memang saya pun dah tahu konsep dia yang sebenar jadi tidaklah menjadi satu halangan kepada saya.. erm.. dalam perkhidmatan JKM ni. JKM JKM.. konsep dia asalnya adalah membantu orang-orang yang memerlukan. Jadi saya tahu sepenuhnya apa fungsi-fungsi berkenaan..”

(Responden 1)

“..saya ada dua tiga kali dah dengar pasal ni. Cuma apa yang saya faham benda ini bukan atas individu.. tetapi atas semangat komuniti. Iaitu semangat semua la. Makna kata, konsep ta’awun tu dengan praktis kerja sosial itu dia mesti diplan, bukan ta’awun sahaja.. pekerja sosial sahaja tak.. tidak akan jadi. Jadi kalau pada saya benda ni er.. orang kata apa.. bukan sahaja pengetahuan saja tu untuk dalam praktis kerja sosial je tetapi pengetahuan tu untuk praktis dalam kerja sosial dalam komuniti. Ha.. bukan individu.. ha..”

(Responden 7)

Secara keseluruhan daripada hasil data yang telah dikutip oleh pengkaji, rata-rata responden memahami konsep *ta’awun* sebagai tolong-menolong atau konsep kejiwaan yang menjadi kewajipan seorang Muslim dalam memikul tugas tersebut. Selain itu, pengkaji mendapati pemahaman responden dalam konsep *ta’awun* juga meliputi semangat dalam komuniti yang perlu dipupuk terhadap setiap ahli komuniti. Konsep *ta’awun* juga difahamkan sememangnya ada di mana-mana sahaja tidak kira di rumah mahu pun di tempat kerja. Ia tidak terlalu fokus pada profesion kerja sosial yang dijalankan oleh pekerja sosial tetapi ia meliputi semua lapisan masyarakat. Pengkaji juga merumuskan bahawa hasil kajian ini bertepatan dengan konsep kerjasama yang diamalkan oleh masyarakat setempat seperti

gotong-royong dan sifat kejiiran yang telah dinyatakan oleh responden. Dapatan kajian ini juga bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Nurazmallail, Ahmad Kilani dan Normala (2004) yang mana menyatakan bahawa kerjasama yang baik antara manusia mampu memupuk sikap saling bekerjasama dan penyayang. Menurut kajiannya lagi, sifat tolong menolong dan bekerjasama juga merupakan sifat mahmudah iaitu sifat terpuji yang perlu ditanam bagi setiap orang yang bergelar muslim dan mengaku beriman kepada Allah S.W.T. Sebagai seorang Muslim, tolong menolong ini sememangnya perlu ada dalam hati setiap manusia.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa rata-rata responden turut mempunyai pengetahuan yang sama di mana konsep *ta'awun* dan kerja sosial memberi maksud yang sama dengan kerja sosial iaitu memberi pertolongan kepada orang yang memerlukan. Sejarar dengan kajian yang dilakukan oleh Midgley (1995) dan Miley, O'Melia dan DuBois (2016), mereka menyatakan bahawa kerja sosial sebagai aktiviti pertolongan profesional berkait rapat dengan perkembangan pemberian bantuan dan intervensi dalam bidang yang sangat luas iaitu kesejahteraan sosial. Pemberian bantuan dilihat sangat sinonim dengan Rukun Islam ketiga iaitu menunaikan zakat. Crabtree, Husain dan Spalek (2017) menerangkan bahawa kaedah memberi bantuan dan tolong-menolong bagi kesejahteraan manusia ini jelas tergambar dalam peraturan-peraturan seperti pungutan zakat terhadap golongan yang berkemampuan untuk diberi kepada golongan miskin. Pengkaji juga dapat merumuskan bahawa terdapat empat pemahaman yang dimiliki oleh responden secara keseluruhannya. Ia meliputi konsep tolong-menolong atau bantu-membantu pada insan yang memerlukan, semangat kejiiran atau gotong-royong, semangat komuniti dan akhir sekali konsep *ta'awun* ada di semua tempat.

Bantu-membantu yang dimaksudkan adalah membantu manusia yang memerlukan atau yang berada dalam kesusahan sama seperti matlamat utama bidang kerja sosial iaitu mengembalikan kefungsan sosial individu, keluarga, kumpulan dan masyarakat. Manakala gotong-royong pula lebih dikenali sebagai konsep kejiiran yang menjadi tanggungjawab setiap ahli dalam masyarakat terhadap jiran sekeliling dalam menjaga kebajikan sesama mereka. Konsep gotong-royong ini sering diamalkan dalam masyarakat Malaysia kerana mereka mempunyai semangat kejiiran yang sangat tinggi. Seterusnya, istilah ketiga adalah

semangat komuniti. Semangat komuniti yang dimaksudkan oleh pekerja sosial adalah semangat membantu yang perlu dipupuk dalam diri setiap anggota masyarakat. Perkara ini perlu dipupuk dalam melahirkan kesedaran tentang kepentingan semangat komuniti untuk membentuk dan membangunkan sebuah masyarakat yang saling membantu antara satu sama lain. Akhir sekali, konsep *ta'awun* ini sememangnya wujud di mana-mana tempat tidak kira sama ada dalam profesion kerja sosial atau di luar profesion kerja sosial. Tanpa sedar, konsep *ta'awun* sememangnya telah diamalkan pekerja-pekerja sosial dalam praktis kerja mereka.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Dalam mencungkil pengetahuan pekerja sosial terhadap konsep *ta'awun* atau disebut sebagai tolong-menolong, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga tempat memperoleh pendidikan agama yang dipelajari oleh setiap pekerja sosial. Tempat-tempat tersebut adalah sekolah, surau dan rumah. Rata-rata pekerja sosial mempelajari asas pendidikan agama adalah di sekolah yang meliputi fardu ain serta fardu kifayah secara amnya. Di sekolah, mereka dilengkapi dengan ilmu-ilmu asas yang wajib diketahui oleh setiap individu yang beragama Islam. Namun ada juga segelintir pekerja sosial yang sememangnya mempunyai latar belakang pendidikan agama pada tahap yang lebih tinggi. Pemahaman yang diperoleh pekerja sosial yang mempunyai latar belakang pendidikan agama adalah lebih mendalam berbanding pekerja sosial yang mendapat pendidikan agama di sekolah biasa. Tempat yang kedua adalah di surau. Majoriti responden yang ditemu bual adalah lelaki, maka dapatan kajian menunjukkan kebanyakan daripada mereka juga turut mendapatkan pendidikan agama di surau-surau berdekatan dengan rumah. Hal ini secara langsung mampu meningkatkan lagi pengetahuan serta pemahaman mereka dalam mempelajari ilmu keagamaan. Selain itu, rumah juga merupakan salah satu tempat pengajian agama yang diperoleh pekerja sosial. Rumah yang dimaksudkan adalah pembelajaran terus daripada ibu bapa atau ahli keluarga lain. Hal ini kerana, pembelajaran agama sememangnya bermula daripada rumah iaitu secara terus dari ibu bapa kepada anak-anak selain daripada sekolah mahupun surau.

Secara umumnya, ketiga-tiga tempat pembelajaran pendidikan agama di atas memberi impak yang besar kepada pengetahuan pekerja sosial dalam konsep *ta'awun*. Bagi mereka yang mempunyai latar belakang agama, konsep *ta'awun* sememangnya telah mereka fahami. Hal ini kerana, pekerja sosial yang datang dari latar belakang pendidikan agama mempunyai pengetahuan yang lebih luas tentang maksud sesebuah perkataan atau konsep yang diperkenalkan oleh Al-quran kerana mereka telah diterapkan dengan konsep tersebut ke dalam diri mereka. Manakala bagi mereka yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan agama, mereka kurang memahami jika konsep *ta'awun* yang disebut dalam Al-quran tidak diberikan penjelasan secara umum. Namun, melalui temu bual yang dilakukan terdapat juga dua orang daripada responden yang ditemu bual mengemukakan bahawa mereka mengetahui makna *ta'awun* itu sendiri melalui pembacaan.

Kajian ini mendapati bahawa majoriti responden tidak mempunyai pengetahuan dalam istilah *ta'awun* seperti apa yang telah diterapkan dalam agama Islam. Mereka memahami konsep ini sebagai tolong menolong yang sememangnya telah dianjurkan dalam budaya masyarakat setempat. Mereka juga tidak didedahkan dengan pengetahuan umum tentang perkaitan antara profesion kerja sosial dengan agama Islam. Pengetahuan yang mereka punya hanya setakat yang mereka tahu atau belajar tanpa memahaminya secara menyeluruh. Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pekerja sosial mempunyai kepercayaan yang kuat dalam konsep *ta'awun* ini ketika menjalankan praktis. Sekali gus ia memberi impak positif dalam kehidupan mereka untuk terus membantu individu yang memerlukan dengan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam kerja sosial mahupun dalam agama Islam.

Di samping itu, dokumentasi kajian ini diharap dapat dijadikan rujukan untuk pekerja sosial, kaunselor mahupun pegawai JKM dalam meningkatkan lagi pengetahuan pekerja sosial mengenai perkaitan antara Islam dan kerja sosial. Melalui kajian ini juga, pengkaji berharap dapat dijadikan pencetus kepada pihak tertentu dalam mencari jalan yang terbaik untuk meningkatkan kefahaman mereka. Kajian ini juga diharap mampu meningkatkan pengetahuan pekerja sosial yang beragama Islam mengenai perkaitan rapat antara konsep *ta'awun* dan amalan dalam praktis kerja sosial. Lantas menunjukkan bahawa ajaran Islam dan ilmu dari barat boleh disatukan (Chaney & Church 2017).

Hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan umum dalam kajian bidang kerja sosial terutamanya tentang perkaitan bidang kerja sosial dengan agama pada masa akan datang. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menggalakkan pekerja sosial agar mahu meneroka dan menerapkan nilai-nilai Islam yang sesuai dalam profesion yang diceburi selain dapat memberi pendedahan kepada pekerja sosial dan juga masyarakat tentang kepentingan konsep *ta'awun* dalam kerja sosial. Di samping itu, hasil kajian ini juga boleh menjadi pencetus kepada ahli akademik untuk mengkaji secara lebih mendalam tentang perkaitan atau kesan penerapan nilai-nilai Islam dalam profesion kerja sosial. Akhir sekali, semoga kajian ini mampu memberi manfaat kepada semua pihak terhadap perkaitan agama Islam dengan amalan praktis kerja sosial terutamanya konsep *ta'awun*.

RUJUKAN

- Al-Quran*.
- Creswell, J. W. 2008. *Educational Research Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 3rd edition. New: Pearson Education International.
- Chaney, C. & Church, W. T. 2017. Islam in the 21st century: Can the Islamic belief system and the ethics of social work be reconciled? *Journal of Religion & Spirituality in Social Work: Social Thought* 36(1-2): 25-47.
- Crabtree, S. A., Husain, F. & Spalek, B. 2017. *Islam and Social Work: Culturally Sensitive Practice in a Diverse World*. 2nd edition. Bristol: Policy Press.
- Day, P. J. 2009. *A New History of Social Welfare*. Boston, MA: Pearson Education Inc.
- El Fadl, K. A. 2015. *Islam and the Challenge of Democracy: A "Boston Review" Book*. Princeton: Princeton University Press.
- Hare, J. 2014. Spirituality and social work. *Australian Social Work* 67(4): 604-605.
- Hook, M. V., Hugen, B. & Aguilar, M. 2001. *Spirituality within Religious Traditions in Social Work Practice*. USA: Brook/Cole Cengage Learning.
- Ismail bin Mohd Hassan. 1988. *Wabak Kemiskinan dan Cara-Cara Islam Merawatinya*. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Kamarul. 2012. *Penyelidikan Kualitatif Dalam Sains Sosial*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Lammens, H. 2013. *Islam: Beliefs and Institutions*. New York: Routledge.
- Mashitah Sulaiman, Mohd Azmir & Mohammad Aizuddin. 2009. Memupuk Kesedaran Tanggungjawab Sosial Melalui Penglibatan Dalam Aktiviti Kejiranan Dari Kaca Mata Islam. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kerja Sosial, Melaka 2009. Anjuran Universiti Sains Islam Malaysia.
- Midgley, J. .1995. *Social Development: The Development Perspective in Social Welfare*. Penerbit Sage Publication.
- Miley, K. K., O'Meila, M.W. & DuBois, B. L. 2016. *Generalist Social Work Practice*. Boston MA: Pearson Education.
- Mohd Azmir, Mohammad Aizuddin dan Mashitah Sulaiman. 2009. Asas Kerja Sosial : Analisa Kritikal Perspektif Islam. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kerja Sosial, Melaka 2009. Anjuran Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Ismail. 1999. *Pembentukan Nilai dan Kecemerlangan Bagai Melahirkan Generasi Muda yang Mapan dalam Menghadapi Era Pasca Modenisme*. Skudai :UTM.
- Mohd Iqbal Haqim Mohd Nor, Nur Saadah Mohamad Aun & Aizan Sofia Amin. 2017. Challenges in case management of persons with mental disabilities in Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities Special Issue (3)*: 13-24.
- Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi. 1991. *Tafsir Al-Sya'rawi*. Penyusun: Muhammad Al-Sinrawi dan Abdul Warits. 18 jilid. Mesir. Penerbit Akhbar al Yawm.
- National Association of Social Workers. 2016. Code of ethics of the National Association of Social Workers. <https://www.socialworkers.org/pubs/code/code.asp>. Diakses pada: 1 Jun 2017.
- Nur Saadah Mohamad Aun & Rusyda Helma Mohd. 2016. Informal caregiving: empowering social support programs by employers. *Akademika* 86 (1): 3-9.
- Reinard, J. 2001. *Introduction to Communication Research*. New York: McGraw Hill.
- Rozmi Ismail. 2012. *Metodologi Penyelidikan; Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Santrock, J.W. 2008. *Adolescence*. Edisi ke-12. McGraw-Hill Higher Education.
- Sheridan, M. 2011. Spirituality and social work. *Journal of Church and State* 53(2): 317-319.
- Siti Norlina et al. 2005. *Budaya Penyayang Dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Teori dan Praktis*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Syamsuddin & Azlinda Azman. 2012. Understanding the dimension of spirituality in social work practice. *Informasi* 17 (2): 20-30.
- Nur Saadah Mohamad Aun (corresponding author)
 Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: n_saadah@ukm.edu.my
- Noremy Md Akhir
 Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail:
- Nor Ain Suhaida Nofiah
 Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 Email:

Received: 5 Jun 2017

Accepted: 20 September 2018

